

03 FEB 2001

Mat Taib-nafi

MAT TAIB NAFI DAKWAAN AZMIN JUMPA DI MEKAH

KUALA LUMPUR, 3 Feb (Bernama) -- Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib menafikan dakwaan seorang pemimpin pembangkang yang menyatakan beliau telah memburuk-burukkan kerajaan semasa berada di Mekah baru-baru ini.

Katanya, beliau tidak langsung bertemu dengan Ketua Perhubungan Keadilan Selangor, Azmin Ali di Mekah walaupun Azmin menyatakan mereka telah berjumpa dan bercakap di depan Kaabah.

"Saya menafikan sekeras-kerasnya tuduhan Azmin yang berkata bahawa saya bercakap dengan beliau di depan Kaabah memburuk-burukkan kerajaan dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Beliau berkata Azmin, yang juga anggota dewan undangan negeri Hulu Klang, membuat dakwaan itu semasa berucap di sini baru-baru ini.

Muhammad menyifatkan dakwaan Azmin sebagai pembohongan bertujuan memecah-belahkan Umno.

"Saya percaya dia juga cuba hendak menggagalkan ikhtiar Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan Pas berhubung perpaduan Melayu," katanya.

Muhammad berkata seorang kenalannya telah menghantar keratan akhbar mengenai ucapan Azmin itu kepadanya.

Katanya, beliau telah meminta peguamnya meneliti perkara itu sama ada hendak mengambil kes terhadap Azmin kerana mencemarkan namanya.

Muhammad berkata beliau bertemu Azmin semasa turun dari kapal terbang di Madinah dan kemudiannya pada satu majlis berbuka puasa di sana yang turut dihadiri oleh Ketua Penerangan Umno Datuk Mustapa Mohamed Disember lepas.

Itupun, katanya, beliau, yang diiringi isteri dan anak, duduk berjauhan daripada Azmin pada majlis itu.

-- BERNAMA

AZZ AZZ AKD